

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

PLG 411 - Kaedah Mengajar Kimia II

Masa : [2 jam]

Jawab SEMUA Soalan.

Anda dinasihatkan tidak mengguna lebih daripada SATU JAM untuk menjawab SOALAN 1 (50 markah).

Jawapan untuk tiap-tiap soalan 1(a), 1(b), 1(c), 1(d) dan 1(e) tidak harus melebihi satu muka surat tiap-tiap satu.

1. [a] Salah satu daripada matlamat pendidikan sains ialah perkembangan sikap saintifik. Apakah yang anda faham tentang matlamat itu dan sebutkan tiga strategi pengajaran untuk mencapai maklumat itu melalui pengajaran kimia moden?
- [b] Bincangkan strategi-strategi pengajaran konsep kimia yang abstrak dengan suatu contoh.
- [c] Jelaskan tiga faktor yang mempengaruhi pembelajaran konsep-konsep sains kimia.
- [d] Bagaimanakah anda akan mengaitkan bahagian teori dengan bahagian amali di Tingkatan VI untuk menjadikan pengajaran Kimia lebih berkesan?
- [e] Bincangkan tiga perbezaan di antara kurikulum kimia Moden dan matapelajaran Kimia elektif dalam KBSM.

...2/-

2. Bincangkan alasan-alasan yang anda akan mengemukakan untuk menahankan matapelajaran kimia sebagai satu matapelajaran teras dalam kurikulum sekolah.

[25 markah]

3. Peta konsep dianggapkan sebagai satu teknik dalam proses pengajaran-pembelajaran yang baik.

[a] Bincangkan dua cara bagaimana guru dan murid boleh menggunakannya untuk meninggikan mutu pengajaran-pembelajaran.

[b] Berikut adalah beberapa konsep yang berkaitan dengan tajuk asid. Bina suatu peta konsep dengan konsep-konsep ini.

asid, air, ion, pH, hidrogen, asid sulfurik, asid ethanoik, kepekatan, kekuatan, penceraian.

[25 markah]

oooOooo